

# Pertandingan joget, nyanyian UMS-KAL meriah

**L**ABUAN: Kumpulan Taming Mas UMS-KAL muncul juara keseluruhan pertandingan joget anjuran Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Kemenangan itu membolehkan Taming Mas membawa pulang wang tunai RM250, piala iringan, plak dan sijil penyertaan.

Naib johan disandang Kumpulan Semilir dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pantai, manakala tempat ketiga menyebelahi Kumpulan Anak Seni dari SMK Labuan.

Kategori joget asli menyaksikan penguasaan Taming Mas sebagai juara diikuti SMK Pantai dan SMK Labuan, manakala SMK Pantai menjuarai kategori joget kreatif/moden.

Pertandingan diadili Pengerusi Teknik Pembangunan Kebudayaan dan Muzik Jabatan Pelajaran Labuan, Hasnan Mohd Saad, selaku ketua juri bersama pereka tari Badan Budaya Perbadanan Labuan, Marjan Suin dan artis budaya Perbadanan



ABDUL JAMAL (dua dari kanan) mencuba peralatan memanah diperhatikan Ag Asri (dua dari kiri) sempena Karnival Kokurikulum UMS-KAL sesi 2009/2010.

Labuan, Mohd Fadly Abu.

Sementara itu, lagu Perigi Biru yang dipopularkan Datuk M Daud Kilau membawa tuah kepada pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Eddy Danny, yang menjuarai pertandin-

gan nyanyian Irama Malaysia.

Pelajar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Clifrich Chuck Johnny, meraih tempat kedua menerusi lagu Gerimis Di Lautan oleh Allahyarham

Datuk Sudirman Arshad manakala pelajar SPKAL, Roseayu Mohd Sopian di tempat ketiga dengan lagu Nirmala dendangan Datuk Siti Nurhaliza.

Pertandingan diadakan sempena Karnival Koku-



AG (kanan) dan Azmi membantu Abdul Jamal (kiri) menarik plak perasmian Karnival Kokurikulum UMS-KAL.

rikulum Semester II Sesi 2009/2010. Perasmian penutup disempurnakan Pengarah PKPP UMS, Prof Madya Abdul Jamal Abdul Hamid.

Turut hadir Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Penolong Pendaftar Kanan

PKPP, Azmi Jumat; Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar, Zamri Mohamad Tuah; Penolong Pendaftar PKPP UMS-KAL, Mas Adi Alimin dan pengerusi penganjur, Gogilan A/L Murugaiah.